

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 21 - 27 MAC 2018

Rencana  
SelangorKini 21 - 27 Mac 2018 | 15

**WIFI PERCUMA SELURUH NEGERI**  
Follow **WIFIMARTSELANGOR**

## Isu air Selangor

# Persekutuan perlu profesional

OLEH YIN SHAO LOONG

**K**etua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Zaini Ujang telah bermain politik dengan Kerajaan Negeri.

Sebagai penjawat awam kanan, beliau bukan saja tidak profesional malah membentangkan fakta salah berhubung situasi air di Selangor.

Pada 11 Mac lalu, Dr Zaini mengeluarkan beberapa kenyataan dan muat naik media sosial yang menyokong serangan ke atas air Selangor daripada Umno-Barisan Nasional (Umno-BN) bermula beberapa hari sebelum pembaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3).

**Angka Palsu Daripada Kementerian**

Dakwaan paling menggelikan dibuat Dr Zaini ialah margin rizab simpanan air Selangor sebanyak 0%.

Beliau mengatakan dakwaan berkenaan berdasarkan kepada adual Panduan Industri Air Malaysia (MWIG) 2017. Bagaimanapun, gambar foto jadual itu yang dimuat naik dalam Twitter mem-



punyai keratan nota kaki. Adakah beliau membaca nota kaki itu, atau beliau memilih untuk tidak mendedahkan kepada orang awam bahawa margin rizab simpanan air sebenar Selangor ialah 2.2% dan 4.4% untuk 2015 dan 2016, dan bukannya 0% seperti yang didakwa. (Salinan muka surat penuh dilampirkan dengan kenyataan ini; muka surat 21 MWIG 2017).

Kedah juga disenaraikan dengan simpanan 0% dalam MWIG 2017, tanpa nota kaki.

Mengapa KeTTHA tidak membangkitkan hal Kedah? Mengapa hanya fokus emosi terhadap Selangor, yang mana Umno-BN cuba berkempen menjelang pilihan raya umum?

Dalam sidang medianya hari Khamis, Dr Zaini menegaskan sekali lagi dakwaannya bahawa margin rizab simpanan air Selangor adalah 0%. Ia sama ada kesilapan atau penipuan, pada tahap tertinggi.

Pada 13 Mac lalu, Menteriya sendiri, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili di Parlimen menyatakan bahawa margin rizab simpanan air Selangor adalah 3%, bukannya 0% mengikut Dr Zaini.

Ia boleh dilihat pada hamparan rasmi Parlimen.

Adalah menteri dan KSU KeTTHA tidak bercakap sesama sendiri? Seorang kata kosong dan seorang lagi kata tiga. Mengapa mereka membentangkan angka berbeza?

Malangnya, masalah tidak berhenti di situ saja. Kedua-dua angka margin rizab simpanan air Selangor oleh menteri dan KSU adalah salah.

**Lambakan berita dan fakta palsu**

Kebelakangan ini, Selangor menjadi mangsa angka yang salah daripada Barisan Nasional, bermula daripada Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Eric See-To, dan terbaru datang daripada kepemimpinan tertinggi KeTTHA.

**RIZAB AIR SELANGOR**

3.5%	AWAL 2018
5.4%	MAC 2018
9.6%	HUJUNG 2018
11%	HUJUNG 2019

**Kerajaan Negeri akan jaga air di Selangor**

nyanya bekalan air mencukupi tahun ini.

Menjelang hujung 2018, margin rizab simpanan air dijangka sebanyak 9.6% dan ia akan meningkat kepada 11% pada 2019.

Ia 11%, bukan 0%. Mengapa ia meningkat sebegitu banyak?

Dengan siapnya Loji Rawatan Air Langat 2 pada Jun 2018 dan Loji Rawatan Air Labohan Dagang pada Januari 2019, margin rizab simpanan air Selangor akan meningkat kepada 11% pada 2019.

Adalah jelas, semua fakta daripada Kerajaan Pakatan Selangor adalah pelan pelaksanaan berpandangan jauh bagi mengubah bekalan air negeri selepas kegagalan penswastaan air selama berdekad oleh UMMO/Barisan Nasional. Sebagai penyedia bekalan air di negeri paling ramai penduduk dan negeri industri di Malaysia, Air Selangor berhadapan tugas sukar dalam industri air Malaysia.

Daripada bermain politik dengan air milik rakyat, KeTTHA sepatutnya menyokong usaha Kerajaan Negeri Selangor. Adalah tidak wajar penjawat awak kanan mengambil kedudukan partisan dalam tugas rasminya. Ia akan menjejaskan tanggungjawabnya untuk bertindak secara adil kepada semua negeri dalam Persekutuan.

Yin Shao Loong adalah Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar Selangor

**TABLE 3: Water Treatment Plant Output Capabilities and Production (2015 - 2019)**

Plant	2015		2016		2017		2018		2019	
	Capacity (MLD)	Production (MLD)	Capacity (MLD)	Production (MLD)	Capacity (MLD)	Production (MLD)	Capacity (MLD)	Production (MLD)	Capacity (MLD)	Production (MLD)
1.1	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.2	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.3	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.4	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.5	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.6	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.7	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.8	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.9	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
1.10	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
<b>MALAYSIA</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Water Treatment Plant Output to June 2018 (MLD)

Plant	Capacity (MLD)	Production (MLD)	Margin (%)
1.1	100	97.8	2.2%
1.2	100	95.6	4.4%